

H  
ICM

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN  
Annual Report



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



Kompleks Baru Fakulti Kejuruteraan, UPM  
New Complex of the Engineering Faculty, UPM



10 DEC 2003

- 1 MISI** ■ Mission Statement
- 1 OBJEKTIF** ■ Objectives
- 3 CARTA ORGANISASI** ■ Organisational Chart
- 4 LEMBAGA PENGARAH** ■ Board of Directors
- 6 PEGAWAI UTAMA** ■ Principal Officials
- 9 LAPORAN NAIB CANSELOR** ■ Vice Chancellor's Report
- 16 HAL EHWAL AKADEMIK** ■ Academic Affairs
- Siswazah ■ Graduates
  - Pengambilan Pelajar ■ Student Intake
  - Enrolmen Pelajar ■ Student Enrolment
  - Pusat Pengajian Siswazah ■ Graduate Studies
  - Pendidikan Jarak Jauh(IDEAL) ■ Institute for Distance Education and Learning
- 22 HAL EHWAL PELAJAR** ■ Student Affairs
- Pembangunan Pelajar ■ Student Development
  - Biasiswa ■ Scholarships and Loans
- Aktiviti Sukan ■ Sports Activities
  - Aktiviti Kebudayaan ■ Cultural Activities
  - Kaunseling dan Kerjaya ■ Career and Counselling
  - Kesihatan ■ Health
  - Palapes ■ ROTU
  - Kolej Kediaman ■ Residential Colleges
- 27 PENYELIDIKAN** ■ Research
- IRPA ■ IRPA
  - Penyelidikan Jangka Pendek ■ Short-term Research Funds
  - Anugerah Saintis Muda Negara 1998 ■ National Young Scientist Award 1998
- 29 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA** ■ Human Resources Management
- Perjawatan ■ Staffing
  - Pelantikan dan Kenaikan Pangkat ■ Appointments and Promotions
  - Peletakan Jawatan dan Persaraan ■ Resignations and Retirements
  - Perkhidmatan Cemerlang ■ Excellent Service Awards

bfb  
S  
539  
m3  
USY48  
1998

**31 LAPORAN AKADEMIK FAKULTI/PUSAT** ■ Academic Reports from Faculty/Centre

- Fakulti Ekologi Manusia ■ Faculty of Human Ecology  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan ■ Faculty of Economics and Management  
Fakulti Kejuruteraan ■ Faculty of Engineering  
Fakulti Pengajian Bahasa Moden ■ Faculty of Modern Language Studies  
Fakulti Pengajian Pendidikan ■ Faculty of Educational Studies  
Fakulti Perhutanan ■ Faculty of Forestry  
Fakulti Pertanian ■ Faculty of Agriculture  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan ■ Faculty of Medicine and Health Science  
Fakulti Kedoktoran Perubatan dan Sains Peternakan ■ Faculty of Veterinary Medicine and Animal Science  
Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina ■ Faculty of Design and Architecture  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat ■ Faculty of Computer Science and Information Technology  
Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi ■ Faculty of Food Science and Biotechnology  
Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar ■ Faculty of Science and Environmental Studies  
Pusat Pengajian Siswazah Pengurusan Malaysia ■ Malaysian Graduate School of Management  
Pusat Pengajian Matrikulasi ■ Matriculation Studies Centre  
Pusat Program Luar ■ External Programmes Centre

**49 KHIDMAT SOKONGAN** ■ Support Services

- Institut Biosains ■ The Bioscience Institute  
Bahagian Pembangunan ■ Development Division  
Perpustakaan ■ Library  
Pembangunan Perniagaan ■ Business Development  
Taman Penyelidikan Universiti ■ University Research Park  
Uniputra Production ■ Uniputra Production  
Pusat Komputer ■ Computer Centre  
Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS UPM ■ The SSAAS Arts and Culture Centre  
Pusat Islam ■ Islamic Centre  
Penerbit Universiti Putra Malaysia ■ Universiti Putra Malaysia Press

**60 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU** ■ Universiti Putra Malaysia Terengganu (UPMT)

**65 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN** ■ Major Activities and Events

**70 MEMORANDUM SEFAHAMAN** ■ Memorandum of Understanding

**73 LAWATAN RASMI** ■ Official Visits

**78 PRESTASI KEWANGAN** ■ Financial Performance

Misi Universiti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Penyelidikan yang unggul yang menyumbang bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

## OBJEKTIF

Untuk mengukuhkan lagi daya saing dan keupayaan UPM dalam menangani arus perubahan dengan jayanya, beberapa objektif telah dirangka berteraskan kepada misi UPM. Antaranya ialah:

- Menyediakan prasarana yang menggalakkan penggunaan teknologi terkini kepada pelanggan-pelanggan di universiti.
- UPM berada di barisan hadapan menerajui perkembangan Koridor Raya Multimedia (Multi-media Super Corridor).
- Menawarkan program-program yang mampu bersaing.
- Mengadakan pakatan strategik dengan institusi-institusi awam dan swasta sama ada dari dalam atau luar negara bagi kebaikan bersama.
- Menawarkan program-program untuk pasaran antarabangsa.
- Menawarkan pendidikan tinggi kepada pelanggan-pelanggan seramai mungkin.
- Meningkatkan bilangan pengambilan pelajar.
- UPM menjadi universiti unggul menerima anugerah kewangan seperti IRPA dan lain-lain lagi.

**1998**  
Mission

The University's mission is to be a leading centre of learning and research, contributing not only towards human advancement and creation of knowledge but also to wealth creation and nation building.

## Objective

To strengthen the competitive ability of UPM to successfully manage change in its myriad forms, several objectives have been formulated to realise the stated mission:


- To provide infrastructure that encourages the use and application of state-of-the-art technology for the University's clients
  - To be in the forefront of efforts to develop the Multimedia Super Corridor
  - To offer competitive programmes of learning and training
  - To forge and strengthen mutually beneficial strategic linkages with private and public sector institutions, both national and international
  - To offer programmes of international acclaim
  - To offer tertiary education to a maximum number of clients
  - To gradually increase student enrolment through a steady increase in intake

To establish UPM as the University of first choice  
for research awards and grants from IRPA and  
other such similar bodies



1998

## CARTA ORGANISASI Organisational Chart



*1998*

**LEMBAGA PENGARAH  
BOARD OF DIRECTORS**

**PENGERUSI ■ CHAIRMAN**

Y. Bhg. Datuk Ramly Ahmad

**ANGGOTA-ANGGOTA ■ DIRECTORS**

Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim (Naib Canselor/Vice Chancellor)

Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Abdul Kadir

Y. Bhg. Dato' Dr. Noor Laily bt. Dato' Abu Bakar

Y. Bhg. Dato' Patrick Lim Soo Kit

Y. Bhg. Datuk Hj. Isahak bin Mohd Yusuf

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Johari bin Mat

Y. Bhg. Tuan Haji Ithnin bin Haji Hassan

# 1998

## PEGAWAI UTAMA Principal Officials

### CANSELOR ■ CHANCELLOR

TYT Tun Dato' Seri (Dr.) Hj. Hamdan Sheikh Tahir  
S.M.N., P.S.M., D.U.P.N.D.P., D.P.M.N., K.M.N.

### PRO-CANSELOR ■ PRO-CHANCELLORS

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Hashim Aman  
P.M.N., P.S.M., D.P.M.K., D.S.N.S., D.P.M.J.D.C.S.M., S.S.S.A., J.M.N.  
Y.Bhg. Tan Sri Dato' Gunn Chit Tuan P.M.N., P.S.M., D.M.P.N., J.S.M.

### NAIB CANSELOR ■ VICE-CHANCELLOR

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim D.S.S.A., D.P.M.P., J.S.M.  
B. Vet. Sc. & A.H.(Punjab), M.Phil, Ph. D. (London), F.A.S.

### TIMBALAN NAIB CANSELOR ■ DEPUTY VICE-CHANCELLORS

#### Hal Ehwal Akademik ■ Academic Affairs

Prof. Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan J.S.M.  
B.A. (Malaya), M. A. (Western Ontario), Ph. D. (New South Wales)

#### Pembangunan ■ Development

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie D.S.S.A.  
Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S. (California, Davis),  
Ph. D. (Cornell) M.I.E.M., P. Eng.

#### Hal Ehwal Pelajar ■ Student Affairs

Prof. Dr. Rahim Md. Sail J.S.M., D.S.M.  
Dip.Agric.(Malaya),B.S.(California,Davis),M.S.,  
Ph. D. (Wisconsin)

### PENDAFTAR ■ REGISTRAR

Ahmad Zekri Abdul Khalil A.M.N.  
B. Econ. (Malaya), Dip. in Management Analysis (INTAN)

### BENDAHARI ■ BURSAR

Tuan Hj. Yusop Keling  
B. Ec. (Hons.), Post-grad. D.I.A (Malaya), R. A. (M), M.B.I.M.

**DEKAN ■ DEAN**

**Fakulti Ekologi Manusia ■ Faculty of Human Ecology**

Assoc. Prof. Dr. Halimah Hj. Ahmad K.M.N.

Cert. Edu., Cert. Home Econ. (Malaya), B.S. (Utah State), M.S. (Iowa State), Ph.D. (Texas)

**Fakulti Ekonomi dan Pengurusan ■ Faculty of Economics and Management**

Assoc. Prof. Hj. Zainal Abidin Kidam

B. Agric. Sc. (Hons.) (Malaya), M.B.A. (Wisconsin-Madison)

**Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan ■**

Faculty of Veterinary Medicine and Animal Science

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman D.P.S.K.

B.V.Sc. (Queensland) M.V.Sc. (Saskatchewan), M.R.C.V.S.

**Fakulti Kejuruteraan ■ Faculty of Engineering**

Prof. Ir. Abang Abdullah Abang Ali

B.Sc. (Hons.) (Brighton), M.Sc. (Manchester), F.I.E.M., P. Eng., M.I.C.E., C. Eng.

**Fakulti Pengajian Bahasa Moden ■ Faculty of Modern Language Studies**

Prof. Dr. Hj. Amat Juhari Moain K.M.N., A.M.N.

Cert. Ed., B.A. (Hons.), M.A., Ph.D. (Malaya), D.P.I.(UKM)

**Fakulti Pengajian Pendidikan ■ Faculty of Educational Studies**

Prof. Dr. Abdul Rahman Md. Aroff K.M.N.

B.A., Dip. Ed. (Malaya), M.Ed. (Sheffield), Ph. D. (Southampton)

**Fakulti Perhutanan ■ Faculty of Forestry**

Assoc. Prof. Dr. Rusli Mohd.

B.Sc. (For)(UPM) M.Phil. (Edinburgh), Ph.D. (North Carolina State)

**Fakulti Pertanian ■ Faculty of Agriculture**

Prof. Dr. Mohd. Yusof Hussein

Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S. (Louisiana State), Ph.D. (Adelaide)

**Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan ■ Faculty of Medicine and Health Science**

Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd. Sham Kassim

P.J.N., K.M.N., P.M.C.

M.B.B.S. (Sydney), D.C.H (Glasgow), M.R.C.P., AM (Malaysia), F.R.C.P. (Edinburgh)

**Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina ■ Faculty of Design and Architecture**

Dr. Mustafa Kamal Mohd. Sharif

Dip. Agric. (UPM), B.S. (Louisiana State), M.S. (Tennessee), Ph.D. (Colorado State)

**Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar ■ Faculty of Science and Environmental Studies**

Prof. Dr. Muhamad Awang

Drs. (Bandung I.T.B.), Ph. D. (Sheffield)

**Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**

Faculty of Computer Science and Information Technology

Assoc. Prof. Dr. Abd. Azim Abd. Ghani

B.Sc. (Indiana State), M.S. (Miami), Ph. D.

**Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi ■ Faculty of Food Science and Biotechnology**

Prof. Dr. Gulam Rasul Rahmat Ali

D.V.M. (Pakistan), M.Sc. (Reading), M. Ed., Ph. D (Wisconsin)

**Pusat Pengajian Siswazah ■ Graduate Studies Centre**

Assoc. Prof. Dr. Kamis Awang

(Sehingga 30 Ogos. 1998 / Until 14 August 1998)

B.Sc. (For) Hons., Ph.D. (Australia National). Until 14 August 1996

**Institut Biosains ■ Bioscience Institute**

Prof. Dr. Abdul Rani Bahaman J.S.M

D.V.M. (Mymensingh), B. Sc. (La Trobe), M. Phill. (Massey), Ph.D. (UPM)

**Pusat Pengajian Siswazah Pengurusan Malaysia ■**

Malaysian Graduate School of Management

Assoc. Prof. Dr. Md. Zabid Abdul Rashid

B.S. (Agribus.) (UPM), M. Sc. (London) D.E.A., Dr. de Troisieme Cycle en Science de Gestion  
(Aix – Marseille/ESSEC)

**Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL) ■**

Institute for Distance Education and Learning (IDEAL)

Assoc. Prof. Haji Azahari bin Ismail

B.S. (Hons. )(Malaya), M. S. (Wisconsin-Madison), Ph. D. (Maryland)

**Taman Penyelidikan Universiti ■ University Research Park**

Assoc. Prof. Khalip Abdul Raffar (K.M.N)

B. Agric. Sc., Dip. Ed. (Malaya), B.S., M. Agric. Sc. (Massey)

**Pusat Komputer ■ Computer Centre**

Assoc. Prof. Dr. Abd. Azim Abd. Ghani

(Sehingga 30 Sept. 1998/Until 30th Sept 1998)

B.Sc. (Indiana State), M.S. (Miami), Ph. D.

**Pusat Pembangunan Perniagaan ■ University Business Centre**

Prof. Dr. Nik Muhammad Nik Majid

Dip. Agric. (Malaya), B.S. (Agric.), M.F. (Louisiana State), Ph. D. (British Columbia)

**Pusat Islam ■ Islamic Centre**

Assoc. Prof. Dr. Hj. Muhd. Fauzi bin Muhamad

**Pusat Pengajian Matrikulasi ■ Matriculation Studies Centre**

Assoc. Prof. Dr. Elias Saion

SmSn. (UKM), M. Sc. (Surrey), Ph. D. (St. Andrews)

**Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ■**

The SSAAS Centre for Culture and Arts

Assoc. Prof. Dr. Ali Rajion

B. Sc. (Hons.) (UKM), M. Sc. (New England), Ph. D. (Melbourne)

**Pusat Pembangunan Perisian ■ Centre for Software Development**

Assoc. Prof. Dr. Bachok Taib

B. Sc. (Hons.) (UKM), M. Sc. (Reading), Ph. D. (Wollongong)

**Pusat Program Luar ■ External Programmes Centre**

Prof. Dr. Wan Sulaiman Wan Harun D.J.N.

B. Sc. (Agr), M. Sc. (Guelph), Dr. Agr. Sc. (Ghent)

**Ketua Pustakawan ■ Chief Librarian**

Kamariah Abdul Hamid

A.L.A. (London), M.L.S. (Hawaii)

**Penerbit Universiti Putra Malaysia ■ Universiti Putra Malaysia Press**

Sumangala Pillai

B. Soc. Sc.(Hons.)(USM), Dip. Publishing (UM)

1998

LAPORAN NAIB CANSELOR  
Vice Chancellor's Report



Kegawatan ekonomi bukan menjadi penghalang kepada UPM untuk bergerak maju dalam pelbagai bidang, malahan kegawatan ekonomi merupakan satu cabaran yang meningkatkan tahap kecekalan UPM menangani arus-arus perubahan. Walau pun kegawatan ekonomi yang berlaku di rantau ini memberi kesan kepada UPM, misi dan objektif harus diteruskan kerana pendidikan merupakan salah satu kunci kepada pembentukan negara maju.

Pengkorporatan yang menjadi isu hangat di kalangan kakitangan dan pelajar sebelum ini telah menjadi kenyataan apabila

Kementerian menguatkuasakan perlembagaan baru bagi empat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk Universiti Putra Malaysia pada 15 Mac 1998. Dengan penguatkuasaan Perlembagaan baru ini, UPM akan mempunyai sistem governan yang baru yang membolehkan penubuhan Lembaga Pengarah Universiti bagi menggantikan Majlis Universiti, serta penubuhan Senat dengan keanggotaan yang lebih kecil berbanding sebelumnya.

Keupayaan UPM melahirkan pelajar yang berpendidikan dalam pelbagai bidang terbukti dengan pertambahan jumlah pelajar yang bergraduat dengan Ijazah dan Diploma masing-masing. Seramai 3,487 pelajar telah bergraduat pada tahun 1998 iaitu peningkatan sebanyak 16 % berbanding tahun 1997 iaitu seramai 2,997 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 17 telah dikurniakan Doktor Falsafah, 414 orang mendapat Sarjana, 2,698 orang mendapat Ijazah Pertama dan 358 orang mendapat Diploma.

Dari segi pengambilan pelajar pula, pada tahun 1998, UPM telah mengambil seramai 11,872 pelajar baru. Daripada bilangan ini seramai 8,820 orang mengikuti program Ijazah pertama, Diploma seramai 1,420 orang dan Matrikulasi seramai 1,632 orang. Daripada jumlah tersebut, 10,723 orang ditempatkan di Kampus Serdang dan 1,149 pula di tempatkan di Kampus Terengganu. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6% berbanding tahun 1997.

UPM dalam usaha ke arah mendemokrasi pendidikan, enrolmen pelajar telah ditingkatkan kepada 30,902 pelajar di pelbagai peringkat pengajian, meningkat 25.6% berbanding tahun 1997. Ini menjadikan UPM sebagai sebuah universiti yang terbesar dari segi bilangan pelajarnya.

UPM telah pun dikenali sebagai institusi pendidikan tinggi yang berwibawa dan telah dinilai dari segi prestasi sehingga tersenarai dalam universiti yang terkemuka di Asia. Oleh yang demikian pengambilan pelajar di peringkat pengajian siswazah ditingkatkan. Pengambilan pelajar di peringkat Pengajian

Though the current economic downturn has been quite devastating in its effects on the region, it has not stood in the way of the University's development. Indeed, it has served as a challenge to UPM to meet the tide of change, particularly economic, that engulfed the nation. The mission and objectives of the University have been pursued against the realisation that however severe the economic constraints, education will remain a vital element in the development of the nation.

Corporatization of Institutions of Higher Learning, a much debated issue by both students and academics, was implemented by the Ministry of Education in four universities including UPM on 15 March 1998. Corporatization brought a new system of Governance in the University - the University Council has been replaced by a Board of Directors and the Senate now consists of less members.

UPM's ability to produce graduates and diploma holders in various fields is clearly reflected in the increasing number of graduands: there has been a 16% increase in graduates with the number increasing from 2 997 in 1997 to 3 487 graduates in 1998. Of this total, 17 were conferred with Ph.D, 414 Masters degree, 2698 first degree and 358 with diploma.

The intake of new students in 1998 totalled 11 872, indicating a 6% increase over 1997. Of this total, 8 870 students are pursuing first degree programmes, 1420 diploma and 1 632 are matriculation students. Of this number, 10 723 are in the Serdang Campus while 1 149 are in the Terengganu campus.

In an effort to democratise education so as to enable as many young people as possible to avail themselves of a tertiary education, UPM has deliberately pursued a policy of increased student enrolment. This year saw enrolment soaring up to 30 962 in the various disciplines, an increase of 25.6% over the 1997 figures. This makes UPM the largest university in terms of enrolment.

Siswazah pula adalah seramai 1,519 orang iaitu 138 orang di peringkat Doktor Falsafah dan 1,381 di peringkat Sarjana meningkat sebanyak 53.3% secara keseluruhannya berbanding tahun 1997. Walaupun terdapat penurunan dalam pengambilan pelajar dalam program Ph.D sebanyak 12.7% terdapat peningkatan yang ketara dalam pengambilan pelajar dalam program Sarjana iaitu 65.8%. Ini disebabkan terdapatnya permintaan yang tinggi dalam program tersebut kerana semakin ramai rakyat Malaysia mula sedar tentang kepentingan pendidikan tinggi. Tambahan pula usaha-usaha yang dilakukan oleh UPM untuk memasarkan program-program pendidikan tinggi di luar negara telah dapat memperkenal program-program yang ada di UPM secara meluas lagi.

Sepanjang tahun 1998 beberapa promosi pendidikan tinggi peringkat antarabangsa telah diadakan iaitu di Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Shanghai untuk memasarkan program-program pengajian yang ditawarkan di UPM di peringkat antarabangsa. Sehingga kini jumlah pelajar luar negara di UPM telah mencecah lebin 500 orang yang datang dari lebih 40 buah negara di dunia.

Program pendidikan jarak jauh (PJJ) yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL) juga menunjukkan kemajuan. Kini enrolmen pelajarnya ialah seramai 5,087. Daripada bilangan ini 74% adalah yang berumur lebih 31 tahun. Ini menunjukkan bahawa wujud kesedaran di kalangan rakyat Malaysia untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Program PJJ yang bermula pada tahun 1995 ini telah berjaya melahirkan graduan pertama seramai sembilan orang melalui program Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) pada bulan Julai 1998. Sehingga tahun 1998 sebanyak 62 modul pengajian telah disediakan bagi keseluruhan program dan sebanyak 39 pusat pembelajaran di bandar-bandar strategik telah ditubuhkan bagi memudahkan pelajar-pelajar dari seluruh negara mengikuti program tersebut.

UPM juga telah memperkenal beberapa program baru bagi menyokong keperluan semasa dalam era menuju negara maju. Antara program baru yang ditawarkan ialah Bacelor Komunikasi di bawah Fakulti Ekologi Manusia, Bacelor Sains Kesihatan Persékitaran dan

Largely as a result of its performance and achievements, UPM is recognised as a reputable institution of higher learning and is now rated among Asia's top universities. Consequently UPM has seen a rapid increase in graduate student population. The graduate intake for 1998 was 1 519, an increase of 53.3% over the 1997 figure. Of this total, 138 are Ph.D students while 1 381 are following masters programmes. Admittedly there was a 12.7% decrease in Ph. D intake but this was offset by a 65.8% increase in the number of students pursuing masters degree programmes. As mentioned earlier, this increase can be attributed to UPM's efforts to promote and market its programmes overseas as well as to an increased awareness of the need to enhance personal skills through continuing education.

UPM's concerted efforts to promote its academic programmes particularly through road shows in Negara Brunei Darulsalam, Indonesia and Shanghai in China have been fruitful. Currently the foreign graduate student population stands at 500 and is drawn from about 40 countries.

The Distance Learning Programme which is managed by the Institute for Distance Education and Learning (IDEAL) has seen a tremendous increase in figures. Todate it has a student enrolment of 5 087. Of this total, 74% are students who are over 31 years of age clearly reflecting an increased realisation among Malaysians of the need for higher educational qualifications .

In July 1998, the Distance Learning Programme convocated its first nine graduates in Masters in Science (Human Resource Development). This programme now offers 62 modules at 39 centres, strategically located throughout the nation. This move has served to facilitate students following these programmes.

UPM continues to provide new programmes to support the needs of a rapidly evolving nation. Among the new programmes offered are the Bachelors of Communication by the Faculty of

Pekerjaan di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di bawah Fakulti Pengajian Pendidikan.

Permintaan yang tinggi terhadap program-program dalam bidang teknologi maklumat telah mencetuskan idea untuk mempertingkat lagi usaha-usaha untuk menangani masa depan dalam pendidikan sains dan teknologi dengan memanfaatkan bidang teknologi maklumat yang sedang pesat berkembang sejajar dengan kedudukan UPM dalam Koridor Raya Multimedia. Maka pada 1 Oktober 1998, UPM telah menubuhkan fakulti baru iaitu Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Kecenderungan UPM adalah untuk menawarkan pelbagai program pengajian terutamanya teknologi maklumat bagi menghadapi alaf baru pembangunan masa hadapan negara. Maka Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat yang baru ditubuhkan ini telah memperkenal 4 pengkhususan baru dalam program Bacelor Sains komputer iaitu pengkhususan dalam sistem komputer, rangkaian komputer, kejuruteraan perisian dan multimedia.

Keempat-empat pengkhususan yang ditawarkan ini adalah di bawah pengendalian empat jabatan iaitu Jabatan Sains Komputer, Jabatan Teknologi Komunikasi dan Rangkaian, Jabatan Sistem Maklumat dan Jabatan Multimedia.

**Saya berasa bangga kerana UPM dapat pengiktirafan sebagai sebuah institusi yang mementingkan penyelidikan. Pekara ini jelas kerana UPM sekali lagi menerima peruntukan IRPA yang tertinggi jika dibandingkan dengan 32 institusi penyelidikan yang lain termasuk universiti-universiti tempatan.**

**Pada tahun 1998, UPM telah menjalankan sebanyak 444 projek penyelidikan dan 25 kerja-kerja perundingan dalam tahun 1998. Untuk aktiviti-aktiviti ini sebanyak 86.76% geran penyelidikan IRPA telah dibelanjakan berbanding 84.81% pada tahun sebelumnya. Sebanyak RM 22,633,269 peruntukan penyelidikan IRPA dan RM 2 juta peruntukan untuk 225 projek penyelidikan jangka pendek dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah diterima dalam tahun 1998.**

Tumpuan penyelidikan yang dijalankan di bawah peruntukan IRPA meliputi bidang Argoindustri, Ekonomi, Alam Sekitar, Kesihatan, Kejuruteraan, Perkhidmatan dan Sosial. Sebanyak 20 projek yang

Human Ecology, Bachelors in Environmental and Occupational Health by the Faculty of Health and Medicine and Bachelors in Science (Human Resource Development) by the Faculty of Educational Studies.

The increasing demand for IT and multi-media related technology particularly now that UPM is strategically located in the Multimedia Super Corridor (MSC) has seen efforts directed at science and technology particularly information technology. This move has resulted in the establishment of a new faculty – the Faculty of Computer Science and Information Technology.

UPM plans to offer various programmes in IT especially to meet the challenges of the new millennium. Thus the Faculty of Computer Science & Information Technology has recently introduced the Bachelors in Computer Science degree which allows for specialisation in four areas - computer systems, computer networking, software engineering, and multimedia engineering. These four areas of specialisation are conducted by the Department of Computer Science, Department of Communication Technology & Network, Department of Information Systems and Department of Multimedia.

I take pride in noting that the allocation received for research indicates that once again UPM has been recognised as a major research institute in Malaysia. This year UPM received the highest funding for research through IRPA compared to 32 other research institutes and local universities. UPM's research activities benefited from a total allocation of RM 22,633,239 million from IRPA and RM 2 million for 225 short term projects from the Ministry of Science, Technology and Environment. In 1998, UPM was involved in 444 research studies and 25 consultancy projects. About 86.76% of the IRPA research grant was expended compared to 84.81% in the previous year.

berpotensi telah dipilih untuk dikomersilkan daripada 73 laporan penyelidikan IRPA yang diterima pada tahun 1998. Manakala seorang pegawai akademik telah dianugerahkan Saintis Muda Negara dan dua lagi pegawai akademik telah dianugerahkan "APEC Post-Doctoral Fellowship in Science and Engineering".

Oleh kerana pertambahan yang pesat dalam pengambilan pelajar dan enrolmen pelajar yang berjumlah 30,902 orang, maka UPM memerlukan tenaga dalam pelbagai peringkat pengurusan untuk mengendalikan pelajar. Untuk tujuan itu, UPM telah memperuntuk 4,414 jawatan. Daripada bilangan ini pada tahun 1998 sebanyak 265 orang telah dilantik yang melibatkan 234 orang dalam jawatan kumpulan pengurusan dan profesional dan 31 orang dalam kumpulan sokongan.

Dalam urusan kenaikan pangkat, seramai 22 pensyarah telah dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan tujuh ke jawatan Profesor, manakala tiga orang dalam kumpulan sokongan dinaikan pangkat dalam perkhidmatan yang sama. Seramai 55 kakitangan UPM telah meletak jawatan pada tahun 1998, manakala 73 lagi telah bersara dari perkhidmatan masing-masing.

Aktiviti pembangunan juga perlu bergerak aktif di UPM bagi menyeimbangkannya dengan pertambahan bilangan pelajar di UPM supaya kemudahan-kemudahan yang diperlukan mencukupi bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, UPM telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM 35.6 juta daripada kerajaan pada tahun 1998 untuk membayai projek-projek baru RMK-7 dan meneruskan projek-projek RMK-6. Antara projek-projek yang berjaya disiapkan dalam tahun 1998 ialah pembinaan bangunan Kolej ke-10 dan Kolej Ke-11 yang bernilai RM 37.5 juta, bangunan Asrama Pelajar Atlet yang bernilai RM 4.4 juta yang dibiayai oleh Majlis Sukan Negara (MSN), enam dewan kuliah bernilai RM 1.9 juta dan beberapa projek pembangunan lain.

Projek-projek pembangunan dalam pembinaan pula ialah projek naik taraf sistem bekalan air di kampus Serdang dan mendirikan sebuah kafeteria di kampus cawangan di UPM, Terengganu. Manakala projek-projek baru yang bermula pada tahun 1998 ialah pembinaan Kompleks Kejuruteraan (RM26.2 juta), Bangunan Kompleks Akademik Pusat (RM 10.8 juta), Bangunan Kompleks Sains Sosial (RM 5.1 juta), Bangunan Tambahan Fakulti Ekonomi dan

Under IRPA, the focus of research was on Agro-Industry, Environment, Economics, Health, Engineering, Service and Social sectors. As many as 20 potential projects have been identified for commercialization from the 73 IRPA research reports received in 1998. UPM records with pride that one of our academic staff was conferred the 'Young Scientist Award and two others have been awarded the APEC Post-Doctoral Fellowship in Science and Engineering.

The tremendous increase in student intake has resulted in UPM creating additional posts in various fields to manage this large student population of 30 902 effectively and efficiently. Consequently of the 4 414 posts that have been created in 1998, 265 have already been filled with 234 in the Professional and Management category and 31 in the support services.

A promotion exercise saw 22 lecturers upgraded to Associate Professors, and seven to Professors while three support staff were promoted. A total of 55 staff resigned and another 73 retired from service in 1998.

The rapid increase in student population implies a commensurate infrastructural development to ensure a conducive teaching-learning atmosphere. UPM has therefore been allocated RM35.6 million in development funds by the government to carry out projects under the Seventh Malaysia Plan (RMK-7) and to complete projects initiated under the RMK-6.

Amongst the projects completed in 1998 are the 10<sup>th</sup> and 11<sup>th</sup> Residential Colleges entailing RM37.5 million, an Athletes' Hostel costing RM4.4 million which was financed by the National Sports Council (MSN), six Lecture Halls at RM1.9 million and several other projects.

Among the other infrastructure projects undertaken and completed are the upgrading of the water supply system within the Serdang Campus and the construction of a cafeteria at the Terengganu Campus. New projects initiated in 1998 are the

pengurusan (RM 5 juta), Bangunan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (RM 3.7 juta), Kompleks Hal Ehwal Pelajar (RM 1.2 juta) dan Stadium (11.8 juta). UPM juga telah membuat pembangunan secara usaha sama dengan syarikat swasta iaitu pembangunan Kompleks Asrama Pelajar yang merangkumi 14 blok asrama lima tingkat yang mampu menempatkan seramai 6,960 pelajar.

Pada 4 Ogos 1998, UPM telah berjaya menerbitkan akhbarnya sendiri. Penerbitan ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai hal-ehwal akademik kepada masyarakat luar dan juga kejayaan yang dicapai oleh UPM terutamanya dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan. Di samping itu ianya juga bertujuan mendidik dan membentuk minda warga kampus dan luar kampus ke arah matlamat yang selari dengan wawasan negara, dan bagi menempatkan UPM dalam rangkaian siber antarabangsa terutamanya dalam ruangan "college/ University Newspaper" dunia.

Buat pertama kalinya, UPM telah menjalankan aktiviti bagi pegawai-pegawai utama dan pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dalam bidang pentadbiran melalui aktiviti "Corporate War Games" yang bertujuan untuk memantapkan semangat bekerja secara berpasukan, kemahiran mengurus krisis, ketahanan mental serta fizikal dan keupayaan kepimpinan pegawai-pegawai UPM sebagai persediaan menghadapi persaingan yang kian mencabar menjelang alaf baru.

UPM amat menyedari hakikat bahawa untuk terus maju dan berkembang, universiti harus bertindak secara proaktif untuk memperkuatkan hubungan dengan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara dengan mengadakan kerjasama dengan sektor industri, sektor swasta, sektor awam dan universiti-universiti terkemuka dari dalam dan luar negara terutamanya dalam bidang penyelidikan, pendidikan, teknologi dan teknologi maklumat. Untuk tujuan itu, UPM telah menandatangani 45 memorandum persefahaman/perjanjian kerjasama sepanjang tahun 1998. Dalam pada itu, UPM juga telah menerima sebanyak 43 delegasi pelawat dari seluruh dunia yang antara mereka ingin mewujudkan hubungan kerjasama dengan UPM.

Perkembangan teknologi maklumat yang tiada batasnya telah mendorong UPM melaksanakan perubahan-perubahan selaras dengan perkembangan semasa bagi meletakkan UPM sebagai sebuah

Engineering Complex (RM26.2m), Central Academic Complex (RM10.8m), Social Science Complex (RM5.1m), an extension to the Faculty of Computer Science and Information Technology (RM3.7m), the Students' Affairs Complex (RM1.2m), and a Sports Stadium (RM11.8m). In a move to alleviate student accommodation problems, UPM has embarked on a joint venture with a private corporation to build fourteen 5-storey blocks with the capacity to house 6,960 students.

On 4 August 1998, the first issue of the University newspaper, *The Putra Tribun* was published. A major goal of this newspaper is to disseminate current information/news on academic affairs as well as advancements on education and R&D achieved by the University to the general public. Besides, UPM envisages the newspaper to take on the role of helping to create a mindset both within the campus and the community at large towards achieving the vision of the nation. And of course in the international network, *Putra Tribun* has the distinction of being listed in the world list of "College/University Newspapers".

Envisaging the new millennium to be one of immense challenges which will require special skills on the part of management, the University for the first time organised a "Corporate War Games" exercise for all management and professional category of staff. The Corporate War Games, though fun, was designed to inculcate team work ethics, crisis management, mental and physical resilience and development of leadership qualities.

In order to further progress, UPM has taken a proactive stance to strengthen the relationship from within and without by establishing linkages with industry and the private and public sectors, and renown universities in the fields of research, education technology and information technology. Towards this objective, UPM has signed 44 Memorandum of Understanding in 1998. In addition, the University played host to 43 foreign delegations that were keen to undertake collaborative projects with UPM.

universiti yang ulung di rantau ini. Sehubungan dengan itu pada tahun 1998, UPM telah memperkenal "kad pintar (smart card)" kepada pelajar-pelajarnya secara berperingkat-peringkat melalui kerjasama dengan BSN Commercial Bank (BSNC).

Penggunaan kad pintar ini meliputi pelbagai aspek. Antaranya ialah sebagai kad pengenalan pelajar, kad perpustakaan dan kad bank. Kad pintar ini apabila dibangunkan sepenuhnya akan mengandungi maklumat lengkap mengenai akademik pelajar seperti butir-butir peperiksaan, pendaftaran kursus dan konvokesyen.

UPM telah mengambil tindakan sewajarnya dalam menyelesaikan masalah pepijat alaf (Y2K). Kerja-kerja naik taraf komputer kerangka utama terutamanya sistem maklumat pelajar, sistem gaji, sistem komputer perpustakaan sedang dijalankan dan dalam peringkat akhir pengujian. Masalah ini dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya sebelum 31 Oktober 1999.

Sebelum saya mengakhiri laporan ini, saya juga ingin memaklumkan tentang perkembangan Taman Penyelidikan Universiti (TPU) yang kini mempunyai dua pusat teknologi/inkubator. Bilangan syarikat-syarikat baru (start-up company) telah pun meningkat dan kebanyakan syarikat yang bertapak telah pun mendapat status MSC. Namun demikian, kedudukan TPU sebagai "cybercity" tidak dapat diputuskan oleh pihak-pihak tertentu. Saya berharap isu ini akan dapat penjelasan segera dari pihak-pihak tertentu supaya syarikat-syarikat yang beroperasi di TPU tidak menghadapi kesulitan.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha membantu UPM bergerak menuju ke arah kemajuan yang diharapkan selaras dengan misi universiti untuk menjadi sebuah universiti yang ulung di rantau ini dalam aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan.

Sekian terima kasih.


Unprecedented developments in IT have led to UPM introducing changes in line with rapidly evolving technology. In 1998, in collaboration with Bank Simpanan National Commercial Bank (BSNC), the 'Smart Card' for students was implemented and its usage will be extended in stages. This card has several uses. It is an identification as well as a Library and Bank card. When fully developed, this Card will contain complete information on the student — all academic details such as examination details, course registration and date of convocation.

Several measures have been instituted to be Y2K compliant. Main-frame computers particularly relating to students data, salary system, and library records have been tested several times and are in the final testing stage. We expect to be Y2K ready by October 1999.

I would like to draw attention to the setting up of UPM-MTDC and the development of the University Research Centre (TPU). The number of incubator companies has increased and many have attained MSC status. However, the status of TPU as a cybercity has not been formalised by the authorities concerned. I earnestly hope this matter is resolved immediately so as not to create problems for the companies operating in TPU.

Finally, I wish to thank all parties who have assisted UPM to stride forward confidently on the path of its mission to be the foremost university in the region in education, research and development.

Thank you.



**Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim**  
F.A. Sc., D.S.S.A., D.P.M.P., J.S.M., P.S.M.,  
B. Vet. Sc. A.H. (Punjab), M. Phil, Ph. D. (London).



## SISWAZAH

Pada tahun 1998 seramai 3487 pelajar telah bergraduat dan dianugerahkan ijazah atau diploma masing-masing. Pecahan bilangan siswazah mengikut peringkat pengajaran adalah seperti di Jadual 1.

Bilangan Siswazah mengikut Peringkat Pengajaran Number of Graduates by Level of Study		
	1997	1998
Doktor Falsafah <i>Ph.D</i>	22	17
Sarjana <i>Masters</i>	188	414
Ijazah Pertama <i>Bachelors</i>	2355	2698
Diploma <i>Diploma</i>	348	358
Jumlah/Total	2359	3487

Jadual 1 ■ Table 1

Bilangan pelajar yang lulus adalah seperti di Jadual 2. Pengeluaran siswazah ijazah pertama UPM meningkat 15% daripada sebelumnya, manakala siswazah ijazah tinggi meningkat sebanyak 105% dan siswazah diploma pula meningkat sebanyak 3% berbanding tahun 1997.

## Pengambilan Pelajar

Pada sesi 1998, Universiti Putra Malaysia telah mengambil seramai 11,872 pelajar dengan pecahan 10,723 bagi Kampus Serdang dan 1,149 bagi Kampus Terengganu (UPMT). Pecahan jumlah pengambilan pelajar adalah seperti di Jadual 3

## GRADUATES

For the 1998/1999 academic session, a total of 3 487 students graduated and were conferred degrees or diplomas. The breakdown of graduates by level of study is shown in Table 1.

The breakdown of graduates according to various study programmes is as shown in Table 2. Compared to the previous years, the number of first degree graduates of UPM increased by 15% while the number of Diploma graduates increased by 3% for the same period. However, the number who graduated with postgraduate degrees saw a 105% increase.

## Student Intake

For the 1998/1999 academic session, a total of 13 391 students registered for various study programmes (Table 3).

In all, the student intake in UPM increased by some 9.47% compared to the previous year. According to figures, the increase is particularly obvious in the postgraduate programmes which show an increase of 53.3%, while the Degree programme registered a 2.6% increase. There was a 39.6% increase at Diploma level while the Matriculation programme figures are constant.

Pengambilan Pelajar mengikut Program  
Student Intake by Programme

	1997	1998
Doktor Falsafah <i>Ph.D</i>	158	138
Sarjana <i>Masters</i>	833	1381
Ijazah Pertama <i>Bachelors</i>	8593	8820
Diploma <i>Diploma</i>	1017	1420
Matrikulasi <i>Matriculation</i>	1632	1632
Jumlah/Total	12,233	13,391

Jadual 3 ■ Table 3

**Bilangan Pelajar yang Lulus (mengikut Program)**  
**The Number of Graduates who Convocated (by Programme)**

<b>Program Siswazah Postgraduate Programmes</b>	<b>1998</b>
Doktor Falsafah <i>Ph.D</i>	17
Master Sains <i>Master of Science</i>	211
Master Sains Pentadbiran <i>Master of Administration Science</i>	9
Master Pentadbiran Perniagaan <i>Master of Business Administration</i>	121
Master Perubatan Veterinar <i>Master of Veterinary Medicine</i>	4
Master Pengurusan <i>Master of Management</i>	39
Master Sastera <i>Master of Arts</i>	8
Master Alam Sekitar <i>Master of Environment</i>	17
Master Ekonomi <i>Master of Economics</i>	5
<b>Jumlah Kecil Sub-Total</b>	<b>431</b>
<b>Program Bacelor Bachelors Programmes</b>	
Bacelor Sains (Pembangunan Manusia) <i>Bachelor of Science (Human Development)</i>	146
Doktor Perubatan Veterinar <i>Bachelor of Veterinary Medicine</i>	53
Bacelor Sains Perhutanan <i>Bachelor of Forestry Science</i>	91
Bacelor Sains (Alam Sekitar) <i>Bachelor of Science (Environment)</i>	131
Bacelor Sains Komputer <i>Bachelor of Computer Science</i>	377
Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) <i>Bachelor of Education (Guidance &amp; Counselling)</i>	100
Bacelor Pendidikan (TESL) <i>Bachelor of Education (TESL)</i>	116
Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian) <i>Bachelor of Education (Agricultural Science)</i>	43
Bacelor Sains Hortikultur <i>Bachelor of Horticultural Science</i>	80
Bacelor Sains Pertanian <i>Bachelor of Agricultural Science</i>	84
Bacelor Perakaunan <i>Bachelor of Accountancy</i>	103
Bacelor Sains (Ekonomi Sumber) <i>Bachelor of Science (Resource Economics)</i>	140
Bacelor Sains (Perniagaan Tani) <i>Bachelor of Science (Agribusiness)</i>	143
Bacelor Kejuruteraan (Awam) <i>Bachelor of Engineering (Civil)</i>	39
Bacelor Kejuruteraan (Elektronik/Komputer) <i>Bachelor of Engineering (Electronic/Computer)</i>	37
Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal/Sistem) <i>Bachelor of Engineering (Mechanical/System)</i>	45
Bacelor Kejuruteraan (Pertanian) <i>Bachelor of Engineering (Agriculture)</i>	51
Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) <i>Bachelor of Education (Physical Education)</i>	80
Bacelor Pendidikan (PBMP) <i>Bachelor of Education (PBMP)</i>	315
Bacelor Pendidikan (Sains Rumah Tangga) <i>Bachelor of Education (Home Science)</i>	30
Bacelor Sains Perikanan <i>Bachelor of Fishery Science</i>	42
Bacelor Sains (Sains Samudera) <i>Bachelor of Science (Marine Science)</i>	22
Bacelor Sains (Bioteknologi) <i>Bachelor of Science (Biotechnology)</i>	42
Bacelor Sains dan Teknologi Makanan <i>Bachelor of Science and Food Technology</i>	55
Bacelor Sains (Kepujian) <i>Bachelor of Science (Honours)</i>	718
Bacelor Sains Dengan Pendidikan (Kepujian) <i>Bachelor of Science &amp; Education (Honours)</i>	193
Bacelor Pentadbiran Perniagaan <i>Bachelor of Business Administration</i>	15
Bacelor Sains (Sains Bioperubatan) <i>Bachelor of Science (Biomedical Science)</i>	26
Bacelor Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti) <i>Bachelor of Science (Nutrition &amp; Community Health)</i>	31
Bacelor Sastera <i>Bachelor of Arts</i>	341
<b>Jumlah Kecil Sub-Total</b>	<b>2698</b>
<b>Program Diploma Diploma Programmes</b>	
Diploma Pembangunan Manusia <i>Diploma in Human Development</i>	40
Diploma Kesihatan Haiwan dan Perniagaan <i>Diploma in Animal Health &amp; Husbandry</i>	37
Diploma Perhutanan <i>Diploma in Forestry</i>	39
Diploma Perikanan <i>Diploma in Fisheries</i>	43
Diploma Sains Komputer <i>Diploma in Computer Science</i>	99
Diploma Kejuruteraan Pertanian <i>Diploma in Engineering</i>	54
Diploma Perniagaan Tani <i>Diploma in Agribusiness</i>	40
Diploma Pertanian <i>Diploma in Agriculture</i>	56
<b>Jumlah Kecil Sub-Total</b>	<b>358</b>
<b>JUMLAH BESAR GRAND TOTAL</b>	<b>3487</b>

Jadual 2 ■ Table 2




Secara keseluruhan, pertambahan dalam pengambilan pelajar ialah sebanyak 9.47% berbanding tahun sebelumnya. Mengikut pecahan, program ijazah tinggi menunjukkan pertambahan sebanyak 53.3%, ijazah pertama meningkat sebanyak 2.6%, Diploma meningkat sebanyak 39.6% dan program matrikulasi tidak mengalami peningkatan dalam pengambilan pelajar.

### ■ Enrolmen Pelajar

Pada tahun 1998, UPM mempunyai bilangan pelajar seramai 30,902 orang iaitu secara keseluruhannya meningkat sebanyak 25.6% berbanding tahun sebelumnya. Program Doktor Falsafah meningkat sebanyak 13.6%, manakala program Sarjana pula meningkat sebanyak 37%. Program Ijazah pertama menunjukkan peningkatan sebanyak 24.4%, Diploma meningkat 37.4% dan program Matrikulasi meningkat 14.7% berbanding tahun 1997.

**Pengambilan Pelajar Mengikut Program**  
*Student Intake by Programme*

Rajah 1 ■ Chart 1



### ■ Student Enrolment

For the year 1998, the student population stood at 30 902 which represents a 25.6% increase over the previous year. Ph.D students increased by 13.6%, while those pursuing their masters increased by 37%, Bachelor's by 24.4%, Diploma by 37.4% while the Matriculation Studies population increased by 14.7% compared to the 1997 figure.


**Enrolmen Pelajar mengikut Program**  
*Student Enrolment by Programme*

	1997	1998
Doktor Falsafah Ph.D	484	550
Sarjana Masters	2272	3112
Ijazah Pertama Bachelors	18,409	22,909
Diploma Diploma	1735	2385
Matrikulasi Matriculation	1696	1946
Jumlah/Total	24,596	30,902

Jadual 4 ■ Table 4

**Enrolmen Pelajar mengikut Program**  
*Students Enrolment by Programme*

Rajah 2 ■ Chart 2



## PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH/SISWAZAH

Pengalaman UPM dalam pengajian siswazah selama 20 tahun telah berjaya mengeluarkan ramai graduan Master dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang sains dan teknologi serta sains sosial. UPM juga berjaya menarik minat pelajar-pelajar dari 44 buah negara untuk mengikuti program pengajian siswazah di sini. Setakat bulan Disember 1998, enrolmen pelajar siswazah ialah seramai 3662 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 525 orang adalah pelajar luar negara (Jadual 5).

Bilangan Pelajar Tempatan & Luar Negara Number of Local & Foreign Students		
	1997	1998
Pelajar Dalam Negeri <i>Local Students</i>	2240	3137
Pelajar Luar Negara <i>Foreign Students</i>	516	525
Jumlah/Total	2756	3662

Jadual 5 ■ Table 5

Dalam usaha untuk memperkenalkan program pengajian siswazah UPM di luar negara, Pusat Pengajian Siswazah telah menyertai beberapa pameran pendidikan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga organisasi luar. Pada tahun 1998, Pusat Pengajian Siswazah telah menyertai Pameran Pendidikan Malaysia yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Jakarta, Bandung dan Medan, Indonesia dan di Shanghai, China. Di samping itu, Pusat ini juga turut menyertai Pameran Pendidikan Pasca Sarjana yang telah dianjurkan oleh kerajaan Indonesia.

Pada akhir sesi 1998 seramai 488 pelajar siswazah telah bergraduat (Jadual 6).

Pecahan Bilangan Siswazah mengikut Peringkat Pengajian Graduate Breakdown by Courses	
Program	Bilangan
Doktor Falsafah (Ph.D) <i>Ph.D</i>	25
Master Sains <i>Master of Science</i>	233
Master Ekonomi <i>Master of Economics</i>	8
Master Sains Pertanian <i>Master of Agricultural Science</i>	9
Master Sastera <i>Master of Arts</i>	8
Master Alam Sekitar <i>Master of Environment</i>	18
Master Pengurusan <i>Master of Management</i>	39
Master Perubatan Veterinar <i>Master of Veterinary Medicine</i>	4
Master Pentadbiran Perniagaan <i>Master of Business Administration</i>	120

